

UMS meterai LOI dengan Universiti Jose' Rizal

DE 2.10.18 2

KOTA KINABALU: Satu Surat Niat (LOI) ditandatangani baru-baru ini antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pembangunan Pelajar Universiti Jose Rizal di Filipina.

Tujuannya adalah untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak.

Dekan fakulti, Profesor Madya Dr Raman Noordin mewakili UMS, sementara Universiti Jose' Rizal diwakili oleh Pengarah Pembangunan Pelajar, Dr Ana Belen S Cuyugan.

Upacara yang berlangsung di Hotelab fakulti UMS itu disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor UMS (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail dan Naib

Presiden (Akademik) Universiti Jose' Rizal Dr Miguel Carpio.

Dr Rasid dalam ucapannya berkata kerjasama itu penting bagi memastikan kedua-dua institusi mencapai tahap tertinggi melalui pembangunan.

"Kebanyakan universiti utama dunia mencapai kedudukan tertinggi melalui kerjasama antarabangsa, dan UMS juga bernasib baik berpeluang untuk bekerjasama dengan universiti yang diiktiraf oleh TFE Times sebagai universiti kelima terbaik di Filipina.

"Saya amat mengalu-alukan kerjasama ini kerana kami juga dapat belajar dan berkongsi pengalaman termasuk pengala-

man mereka dalam pembangunan perniagaan kecil dan hal-hal kelestarian," jelasnya.

Penandatanganan Surat Niat yang diadakan sempena "Seminar Lestari 2018: Ke Arah Komuniti Lestari" menghuraikan kerjasama kedua-dua pihak, termasuk program pelajar dan staf, kerjasama dalam projek pendidikan termasuk menganjurkan latihan, seminar, bengkel dan aktiviti berkaitan yang lain.

Upacara menandatangani itu juga dihadiri oleh pengerusi seminar Prof Madya Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul yang juga seorang pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.